

CNS7563

R GB 20-11 00176 BH379

aab

Mahathir - Apec

SAYA TIDAK KESAL KERANA TIDAK MENGHADIRI SIDANG KEMUNCAK APEC

J

PETALING JAYA, 20 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak kesal kerana tidak menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Seattle, Amerika Syarikat.

Walaupun dikutuk dan diperkecilkan oleh sesetengah pihak kerana tidak menghadiri sidang kemuncak itu, Dr Mahathir berkata ia tidak akan membawa banyak perubahan jika beliau menghadiri sidang kemuncak itu kerana ia tidak memberi apa-apa kesan.

"Saya tidak kesal. Seperti yang anda lihat, saya biasa sahaja di sini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat tahunan perwakilan Koperasi Usaha Bersatu (KUB) di Subang Jaya dekat sini.

Semasa menjawab soalan daripada seorang wartawan asing, Dr Mahathir berkata beliau tidak faham kenapa Australia nampak tersinggung dengan ketidakhadirannya pada sidang kemuncak itu.

Beliau juga tidak setuju dengan usaha menginstitusikan Apec daripada tujuan asalnya menjadi forum rundingan yang longgar berusaha untuk menjalankan projek dan program meliberalakan perdagangan serantau di kalangan 15 negara. -- Lagi

▼20/11/17-24MST

R GB 20-11 00166 BH380

bah

Mahathir - Apec 2 Petaling Jaya

Ditanya apakah yang boleh membuatnya hadir pada sidang kemuncak itu, Perdana Menteri berkata ia jika berlaku perubahan sikap Amerika terhadap Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang dikepalai Asean.

Beliau juga berkata terdapat perbezaan antara pentadbiran Clinton terhadap EAEC berbanding pentadbiran Bush, tetapi ia "nampaknya tidak cukup untuk meyakinkan Jepun bahawa mereka harus menyokongnya."

Jika mereka menukar fikiran mengenai rundingan itu hanya kerana untuk berkongsi ekonomi yang dinamik dan potensi pasaran di Asia Timur, "saya rasa ia agak sempit."

Mereka harus menerima Asia sebagai sebahagian penting dunia bersama penduduk dan kebudayaannya kerana orang Asia mempunyai hak yang sama dengan rakyat Amerika dan Eropah serta tidak harus dianggap sebagai kumpulan manusia asing yang harus mengakuri nilai-nilai dan kebudayaan barat, katanya.

Katanya Amerika enggan menerima EAEC kerana mereka tidak di dalamnya dan menambakkata "Saya tidak dapat bayangkan Amerika menjadi sebuah negara Asia, disebabkan itu mereka tidak boleh menjadi anggota." --Lagi

▼20/11/17-48MST

R GB 20-11 00135 BH381

aab

Mahathir - Apec 3 Petaling Jaya

Dr Mahathir tidak percaya Amerika masih kurang jelas dengan rundingan itu selepas diberi penjelasan bertahun lamanya oleh Malaysia dan negara-negara anggota Asean yang lain.

"Amat sukar bagi kita meyakinkan orang yang telah memutuskan untuk tidak mahu diyakinkan," katanya.

Pada peringkat ini, Perdana Menteri menegaskan beliau tidak menentang rakyat Amerika tetapi hanya tidak bersetuju dengan politik kerajaan Amerika terutama akhbar Amerika "... seseorang itu mempunyai pendapat yang berbeza mengenai segmen yang berlainan penduduk Amerika."

Ketika ditanya pandangannya mengenai perbezaan sikap Bush dan Clinton terhadap Asia, Dr Mahathir berkata perbezaan antara mereka masih belum cukup besar.

Katanya, pentadbiran Clinton masih menganggap China sebagai satu ancaman daripada segi keselamatan, "membayangkan China sedang bersedia untuk berperang dengan Asia." -- Lagi

▼20/11/18-02MST

CNS7604

R GB 20-11 00192 BH382

aab

Mahathir - Apec 4 (Akhir) Petaling Jaya

"Kita tidak melihat China akan menjadi musuh kita. Kita melihat China sebagai sebuah negara yang mempunyai potensi besar menjadi satu kuasa ekonomi," katanya.

Dengan kekayaan China, beliau agak pasti bahawa mereka akan membelanjakan wang bagi meningkatkan ketenteraan yang biasa dilakukan oleh mana-mana negara yang telah mengumpulkan kekayaan.

Semasa ditanya reaksinya terhadap kutukan Amerika mengenai kedudukan hak asasi manusia China, Dr Mahathir berkata beliau kini menjadi lebih sinis mengenai isu itu.

"Terutamanya sekarang saya menjadi amat sinis membandingkan apa yang dilakukan puak Serb di Bosnia, China boleh dianggap lebih lembut, bagaimanapun layanan terhadap China tidak seimbang."

Ketidaksediaan Amerika mengambil sebarang tindakan terhadap puak Serb digambarkan Perdana Menteri sebagai "menidakkan dakwaan mereka sendiri bahawa mereka mengambil berat mengenai hak asasi manusia."

Apa yang paling mereka bimbang ialah untuk tidak cedera, katanya.

Menjawab satu soalan mengenai sama ada beliau telah menemui Clinton sejak Presiden Amerika itu mengambilalih pentadbiran, Dr Mahathir berkata beliau tidak pernah menemuinya secara peribadi tetapi telah menulis surat kepadanya beberap kali dan begitu juga Clinton. -- Bernama.

AH HK RON

▼20/11/18-30MST